


OUR S

VSV

GEMPAK.



WEEKLY EDITION



Aura, Manifesto & 'Personal Attachment'

Amir Ahnaf

Amir Ahnaf



Pelakon, Amir Ahnaf menganggap filem prekuil Kahar: Kapla High Council sebagai hadiah istimewa kepada peminat setianya.

Menurut Amir, tidak hanya menjanjikan kelainan, filem ini juga merupakan satu karya yang sangat personal buat dirinya.

"Persediaan untuk filem ini sangat teliti, dua bulan sesi casting, dua bulan dari segi persediaan dan dua bulan sesi latihan berlawan.

"Seperti yang kita tahu, pelakon Project: High Council mempunyai aura berlainan, jadi untuk filem Kahar: Kapla High Council, vibes lebih kepada audiens yang matang.

"Kisahanya sedikit mendalam dan untuk saya pula kisah ini lebih kepada personal attachment. Saya tak sabar mahu tunjukkan persembahan lakonan kami kepada anda semua," ujarnya.

Selain Amir, empat lagi pelakon utama yang membintangi filem Kahar: Kapla High Council adalah Aedy Ashraf, Sky Iskandar, Thompson Goh dan Khenobu.

Terbaharu, Astro Shaw mendedahkan nama-nama daripada siri premium popular Project High Council yang dikembalikan untuk filem prekuil ini.

Barisan pelakon tersebut adalah Fadhli Masoot, Fazziq Muqris, Nadhir Nasar, Naim Daniel, Yusof Hashim (Ucop), Sathisvaran, Hushairy Hussain, Ameer Asyraf dan Hasnul Rahmat.

Skrip filem Kahar: Kapla High Council pula ditulis oleh pencipta atau 'creator' Project High Council, Anwar Ashraf bersama beberapa penulis lain, dan diarahkan Razaisyam Rashid.

- Mya Amri

Review:

"Kahar: Kapla High Council. Solid 9/10 🍷"

★ The film delivers jaw-dropping martial arts sequences, storyline acting wise semua memang chef's kiss,"
- @zharifsuhaيمي

"By the way Kahar: Kapla High Council 10/10!!!! Intense gila,"

- @aishahsalehudin

"Kudeta tu apa? Saya baru tonton filem Kahar: Kapla High Council. Memang solid 5/5! Salah satu tema penting filem ni? KUDETA!"

- @fakhryharraz_

"Kahar Kapla High Council definitely worth the wait!

Overall boleh bagi 9/10 ★.

Filem ni memang cukup rasa, cukup intense. Action scenes padu 🍷 best!" -
@aimannahzeri

"Kahar: Kapla High Council terbaik.

Congrats Razaisyam on your neverending achievement. 10/10"
- @ViolaAstorre.

"Lakonan Aedy Ashraf wow ye dalam Kahar: Kapla High Council. Dengan scene akhir belanja tubuh badan dengan aksi dan lakonan yang mantap memang wow!! Scene tu klimaks filem ni. Love 4.5★"

- pusaka_rimba

Karya Karyawan Malaysia Diiktiraf Dunia

Karyawan Malaysia terus mengharumkan nama negara menerusi karya-karya kemenangan yang diiktiraf oleh dunia. Ironi kemenangan-kemenangan karya yang diperoleh pada masa kini adalah kesinambungan terhadap pengiktirafan yang pernah dipilih sebagai terbaik pada peringkat global. Karya apa sahaja disifatkan terbaik sekaligus pernah diiktiraf pada peringkat global?

- MALIAH SURIP



Abang Adik

Filem Abang Adik memenangi Filem Terbaik di 10th Asian World Film Festival 2024 yang berlangsung di Los Angeles, Amerika Syarikat hari ini.

Bintang utamanya Wu Kang-ren yang membawakan watak Abang turut memenangi Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik menerusi kategori Feature Snow Leopard.

Bagaimanapun ini bukan kemenangan pertama yang diperoleh filem arahan sulung pengarah Jin Ong. Abang Adik telah merangkul 19 anugerah antarabangsa.

Antara pencapaian tertinggi Abang Adik ialah Anugerah Filem Terbaik di Festival Filem Asia New York (Uncaged Competition ke-22), dan merangkul Golden Mulberry, Black Dragon Critics' Award, serta White Mulberry Award untuk Filem Cereka Terbaik di Far East Film Festival ke-25 di Udine, Itali.



Tegkang

Filem Tegkang yang mengambil latar kehidupan di kawasan tinggi Bario, Sarawak, telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Pengarah Filem Baru Terbaik di First-Time Filmmaker Showcase, yang merupakan sebahagian daripada Lift-Off Sessions yang prestij, yang dianjurkan oleh Lift-Off Global Network di Pinewood Studios, London.

Kemenangan ini membolehkan filem tersebut bertanding dalam pusingan akhir Season Awards, sebuah acara tahunan di Pinewood Studios yang meraikan projek-projek terbaik sepanjang musim Lift-Off.

Tegkang ditulis dan diarahkan oleh Josh Nawan, mengisahkan kehidupan di sebuah kampung terpencil yang menyimpan rahsia besar selama bertahun-tahun, yang mula terbongkar dengan kedatangan seorang pengunjung yang berteman dengan seorang gadis tempatan.

Filem ini juga menonjolkan keunikan Bario, bukan hanya sebagai lokasi yang indah, tetapi juga sebagai tempat yang kaya dengan pengalaman budaya termasuk perayaan tradisional dan ritual kuno yang jarang dilihat oleh dunia luar.



The Garden of Evening Mists

The Garden of Evening Mists yang menampilkan pelakon tempatan Sinje Lee bergandingan dengan aktor Jepun Hiroshi Abe juga telah mengharumkan nama Malaysia di mata dunia.

Filem arahan Tom Lin Shu-yu ini telah memenangi pelbagai anugerah pada tahun 2020 dan 2021.

Antaranya adalah memenangi kategori Reka Bentuk Solekan dan Kostum Terbaik pada Anugerah Golden Horse ke-56, Filem Terbaik Anugerah Kreatif Akademi Asia 2020 membawa pulang tiga anugerah pada Festival Filem Malaysia 2021.

The Garden of Evening Mists memaparkan latar masa sewaktu zaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu, yang diilhamkan daripada buku tulisan Tan Twan Eng.

Gegar Vaganza Terus Berevolusi, 11 Musim Julang Bintang



Program realiti hiburan yang telah menerbitkan fenomena menonton dalam kalangan keluarga di Malaysia, Gegar Vaganza kembali menghiasi kaca televisyen dengan musim terkini yang juga ke-11 minggu lalu.

Sudah memasuki penganjuran ke-11, Gegar Vaganza atau GV merupakan platform yang mengembalikan bintang-bintang senior dan sudah tidak aktif kembali ke persada seni.

Berikut beberapa fakta mengenai evolusi GV yang telah menimbulkan beragam pendapat dan kritikan sejak ditayangkan daripada musim 1 sehingga kini.

Gegar Vaganza atau GV pertama kali diperkenalkan kepada penonton pada tahun 2014. Ia membawa tema dan lagu Bintang Kembali Menyengat. GV kini memasuki musim ke-11 membawa tema Kembali Menyengat.

GV musim ketujuh (GV7) pernah membawa pulang anugerah berprestij di Asian Academy Creative Awards 2021 apabila dinobatkan sebagai Program Muzik/Tarian Terbaik Asia yang berlangsung secara virtual di Singapura.

Nabil dan Jihan merupakan hos yang bertanggungjawab mengendalikan GV dengan Datuk Ramli MS dan Hetty Koes Endang dari Indonesia menjadi juri tetap paling lama diberi tanggungjawab mengkritik persembahan para peserta.

GV6 menjadi satu-satunya yang menyaksikan dua juara dalam satu pertandingan. Gelaran juara dikongsi oleh dua penyanyi lelaki iaitu Naqiu dan Hardy Mirza.

Sepanjang GV1 sehingga 10, seramai lima penyanyi wanita dan lima penyanyi lelaki telah dinobatkan sebagai juara. Antaranya adalah Jaclyn Victor, Aliff Aziz dan Aisyah.

Produksi GV juga berdepan kenangan pahit apabila terdapat peserta yang meninggal dunia selepas menyertai program tersebut. Mereka adalah Allahyarham Gmie, Allahyarham Nasir Wahab, Allahyarham Maya, Allahyarham Siti Sarah dan Allahyarham Bad Indigo. - MALIAH SURIP



TAJUK: Tegkang
Pengarah: Josh Nawan
Pelakon: Syafie Naswip, Michelle Lungan, Lian Tarawe, Pun Ratu Aran, Hezekiah Asim
Genre: Drama

Elphaba, seorang wanita muda yang disalah faham kerana kulit hijaunya, dan Glinda, seorang gadis popular, menjadi sahabat di Universiti Shiz di Land of Oz. Selepas bertemu dengan Wizard Oz yang Hebat, persahabatan mereka sampai ke satu persimpangan.



TAJUK: Moana 2
Pengarah: Dave Derrick Jr.
Pelakon: Auli'i Cravalho, Dwayne Johnson
Genre: Animasi

Moana yang bertugas sebagai wayfinder atau penunjuk jalan, mengambil alih kepemimpinan sukunya. Dalam filem kedua ini, Moana menerima panggilan daripada para leluhur untuk mengunjungi Pulau Kuno.

Moana kemudiannya memulakan perjalanan ke lautan jauh, melintasi Oceania dan memasuki perairan berbahaya yang telah lama hilang. Perjalanan Moana dipenuhi dengan misteri. Moana juga kembali berhadapan dengan musuh lamanya, Kakamora.



TAJUK: Gala
Pengarah: Zheng Da-Heng
Pelakon: Yu Liang, Chu Chia-Yi, Lee En You
Genre: Seram/Thriller

Selepas bercuti di resort, Marcy, seorang ibu yang melakukan penstriman langsung, mengalami kejadian pelik dan pekerjaanya mati secara misteri.

Anak perempuannya, Ah Xu, menyembunyikan kejadian itu dan meminta rakan si mati untuk menyiasat. Semakin banyak kematian tidak sengaja berlaku dalam kalangan mereka.

Di resort, mereka berhadapan dengan seorang guru misteri dan rahsia gelap yang mengancam nyawa mereka semua.

Top 20 Diumum, GMWA 2024 Kembali Dengan Kategori Baharu!



Astro Gempak mempersembahkan Gempak Most Wanted Award 2024 (GMWA2024), menampilkan kandungan terhangat sepanjang tahun.

GMWA kali ini menyajikan kandungan-kandungan terhangat dan terkini sepanjang 2024 menerusi pengenalan calon-calon Top 20 yang telah disenarai pendek menerusi 11 kategori utama.

Edisi kali ini memperkenalkan tiga kategori baharu:

Digital Creator (Foodie) Tergempak
Digital Creator (Beauty & Fashion) Tergempak
Program Digital Tergempak

Format undian:

Fasa 1: Undian Top 20 (28 Nov - 28 Dis 2024).

Fasa 2: Undian Top 5 hingga pemenang.

Peminat memiliki kuasa penuh untuk memilih pemenang setiap kategori dengan 30 kredit undian sehari.

Undian pula dibuka kepada dua fasa yang merangkumi fasa undian menentukan Top 5 yang dipilih daripada senarai pencalonan Top 20 dan fasa undian untuk menentukan pemenang utama.

Undian fasa pertama: Top 20 Gempak Most Wanted 2024 bermula 28 November 2024, 12 malam sehingga 28 Disember 2024, 11.59 malam.

Layari www.gempakmostwantedawards.com untuk menyokong calon kegemaran anda!

INNOVATHON 2 Tawar Dana RM1 Juta Untuk Inovasi Paling Kreatif



Astro bekerjasama dengan Kementerian Ekonomi, MOSTI, Kementerian Pendidikan, dan Kementerian Pengajian Tinggi melancarkan INNOVATHON Musim 2, program realiti berteraskan sains, teknologi, dan inovasi.

Musim kedua ini memberi peluang kepada pelajar sekolah dan universiti untuk tampil dengan idea kreatif dan berinovasi.

Selain itu, ia turut melibatkan juri tetap seperti YB Mohd Rafizi Ramli dan YB Chang Lih Kang, bersama juri selebriti Erra Fazira.

Seramai 56 peserta dipilih untuk bersaing dan menunjukkan idea mereka melalui siaran 8 episod.

Setiap episod menawarkan peluang untuk peserta mara ke peringkat akhir dan berpeluang memenangi dana sokongan pembangunan perniagaan bernilai hingga RM1 juta.

INNOVATHON Musim 2 akan disiarkan bermula 30 November 2024 di Astro Ria, RTM TV1, serta platform strim seperti Astro GO dan sooka.

Tiga Drama Menarik Di Astro Ria Disember Ini!

Astro Ria akan menayangkan tiga drama baharu pada Disember 2024, dengan genre unik untuk semua lapisan umur.

Drama pertama, *Ofis Politik*, bermula 4 Disember, mengisahkan sekumpulan penjawat awam yang ditempatkan di jabatan palsu dan perlu membuktikan keberkesananannya.

Drama kedua, *Rahsiamu Selamat Denganku* (9 Disember), adalah sebuah drama jenayah romantik tentang dua profesor yang menyembunyikan rahsia mereka sambil terjebak dalam cinta.

Drama ketiga, *Curang Tanpa Niat* (23 Disember), mengisahkan tentang konflik perkahwinan akibat kecurangan di tempat kerja.


Semua drama ini juga boleh distrim melalui Astro GO, sooka, dan Astro Ultra/Ulti Box untuk pilihan yang fleksibel.



Konsert Akon 'The Superfan Tour' Usik Kenangan!

Konsert Akon 'The Superfan Tour' di Mega Star Arena, Kuala Lumpur, berlangsung selama hampir dua jam penuh dengan energi yang luar biasa.

Dihadiri oleh 4,000 peminat, konsert ini dimulakan dengan lagu-lagu popular seperti Beautiful Day, I'm So Paid, dan Locked Up, diikuti dengan banyak lagi hits seperti Belly Dancer, Don't Matter, Lonely, dan Smack That. Antara yang menarik, Akon sempat mengambil telefon peminat untuk merakam momen persembahan dan menyiram air ke arah penonton.



Filem Astro Shaw Tercalon Di FFM33, Zul Ariffin & Shahiezy Sam Bersaing Kategori Sama

Filem terbitan Astro Shaw seperti Sheriff, Polis Evo 3, Malbatt: Misi Bakara, dan Mechamoto The Movie tercalon di Festival Filem Malaysia ke-33 (FFM33).

Sebanyak 104 penyertaan diterima, dengan 95 filem layak bertanding dalam 24 kategori, termasuk Filem Terbaik, Pengarah Terbaik, dan Pelakon Terbaik.

Zul Ariffin dan Shaheizy Sam bersaing dalam kategori Pelakon Lelaki Terbaik bersama Beto Kusyairy, Asrulfaizal, dan Chew Kin Wah.

Nabila Huda pula tercalon dalam kategori Pelakon Wanita Terbaik melalui filem Rahsia.

FFM33 akan disiarkan secara langsung pada 7 Disember di Auditorium Seri Angkasa, Angkasapuri.





Mad Noor
@dodosentoso ✓

Alahan: Antara Kepercayaan Tradisional dan Penjelasan Saintifik

Alergi dan alahan adalah reaksi tubuh terhadap bahan tertentu seperti makanan atau debu. Dalam budaya tradisional, ada yang mengaitkannya dengan gangguan makhluk halus, tetapi pakar menegaskan pentingnya diagnosis saintifik.

Menurut Muhammad Noor Zakaria (Mad Noor) dari Dunia Lab, diagnosis tepat melalui ujian makmal adalah kunci mengenal pasti punca alahan. Ini membantu mengambil langkah pencegahan yang sesuai.

"Alahan boleh dilakukan melalui pemeriksaan rawatan atau ujian makmal. Diagnosis dari pakar adalah penting kerana dari diagnosis yang tepat, kita dapat mengenal pasti punca kegatalan dan Alahan yang kita alami secara tepat .

"Apabila punca utama dapat kita ketahui, maka baru lah boleh kita buat keputusan yang tepat untuk mengelakkan dari alahan itu berlaku lagi atau barulah boleh kita elakkan apa yang menjadi punca alahan kita," katanya.

Contoh alahan:

Individu alah udang mengalami reaksi kerana sistem imun menganggap udang sebagai ancaman, seperti melawan virus atau bakteria.

Reaksi seperti ruam atau bersin menunjukkan sistem imun yang terlalu sensitif.

Bahaya andaian sendiri:

Mad Noor memberi amaran tentang risiko membuat andaian tanpa diagnosis. Contoh, seorang pesakit yang mengaitkan alahan dengan gangguan mistik akhirnya didapati alah kepada hama rumah dan lipas selepas menjalani ujian makmal.

Penjelasan saintifik dan rawatan pakar adalah penting untuk mengelak masalah menjadi lebih serius.

"Ada seorang pesakit mengadu kulitnya gatal, meruam, selalu bersin dan mata selalu berair dan gatal gatal. Perkara ni berlaku selepas sahaja mereka pindah ke rumah baru.

"Maka pesakit ini tanpa berjumpa doktor terus mendakwa ini adalah kerja kerja mistik, orang dengki dan gangguan makhluk halus. Panggil ustaz sudah, baca yasin pun sudah, tapi alahan masih ada dan semakin teruk.

"Doktor menjalani ujian alahan terhadap pesakit dan hasil Keputusan makmal menunjukkan bahawa beliau positif alahan pada hama rumah dan juga lipas!

"Ya Keputusan makmal menunjukkan positive specific IgE pada *Blomia tropicalis* (hama rumah) dan *Cockroach Germany* yang menyebabkan dia alami alahan," katanya.



7 Movies That Reveal the Harsh Realities of Bullying in Schools



Bullying is a serious issue in schools, and these seven movies show the painful effects it can have on students.

1. The Karate Kid (1984)

A boy gets bullied but learns to fight back and build confidence through martial arts.

2. Mean Girls (2004)

Shows how bullying can happen through rumors and exclusion in high school.

3. Cyberbully (2011)

A teen is bullied online, showing how social media can harm people's mental health.

4. The Hate U Give (2018)

A girl faces bullying because of her race, highlighting the link between racism and bullying.

5. To The Bone (2017)

Focuses on bullying about body image and how it can lead to serious problems.

6. A Girl Like Her (2015)

A girl is bullied to the point of harming herself, showing how dangerous bullying can be.

7. Wonder (2017)

A boy with a facial deformity is bullied, teaching the importance of kindness and accepting others.


Teen Borrows RM13,000 from Loan Sharks to Buy Girlfriend's Cravings

A 15-year-old Malaysian boy borrowed RM13,000 from loan sharks to fulfill his girlfriend's food cravings.

The teenager took the money to impress his girlfriend, but things quickly went wrong when he couldn't repay the debt.

The loan sharks started harassing him and his family, leading to a serious situation.

The boy's actions highlight the dangers of getting involved with illegal lenders and the consequences of making impulsive decisions to please others.



Bricktacular Holidays At LEGOLAND Malaysia

LEGOLAND Malaysia Resort is celebrating the holiday season with its Bricktacular Holidays, featuring fun activities, special shows, and festive experiences for everyone.

Visitors can enjoy live performances, colorful decorations, and meet LEGO characters. The event also lets guests get creative by building and displaying their own LEGO creations.

With exciting attractions at both the theme park and water park, Bricktacular Holidays offers a fun-filled season for families to enjoy together.